

## **Penerapan Unsur Islam Dalam Penulisan Naskhah Manuskrip Melayu**

**Norhasnira Ibrahim**

Fakulti Pengajian Quran Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800,  
Nilai Negeri Sembilan, Malaysia  
Emel: norhasnira@usim.edu.my

**Prof. Madya Dr. Faisal Ahmad Shah**

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
faisalas@um.edu.my

### **ABSTRAK**

Fasa peralihan dari zaman dominasi pengaruh Hindu-Buddha kepada zaman pemeraksanaan agama Islam di rantau Nusantara telah membawa gelombang perubahan yang besar dalam sastera penulisan manuskrip Melayu. Penulisan manuskrip Melayu yang pada mulanya banyak dipengaruhi oleh unsur Hindu-Buddha mulai mengalami perubahan dari semasa ke semasa dengan menjadikan ajaran Islam sebagai sumber yang penting dalam penghasilan karya-karya bertulisan Jawi. Objektif bagi kajian ini ialah untuk mengkaji kronologi ringkas sejarah penulisan manuskrip Melayu di Nusantara dan menyenaraikan unsur agama Islam dalam penulisan manuskrip Melayu secara umumnya. Kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan dengan menghimpunkan segala informasi berkaitan tajuk kajian yang diperolehi daripada sumber bertulis dan elektronik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak unsur ajaran Islam terutamanya ayat-ayat al-Quran dan hadith Rasulullah SAW yang dijadikan sebagai panduan dalam penulisan manuskrip Melayu pelbagai genre seperti agama, hikayat, sejarah, kanun (undang-undang) dan juga perubatan tradisional Melayu yang dihasilkan pada kurun ke-16 hingga 20 masihi.

**Kata Kunci:** Unsur Islam, penulisan, manuskrip Melayu

### **PENDAHULUAN**

Alam Melayu yang terletak di Asia Tenggara merupakan sebuah rantau yang terkenal di dunia sejak berkurun lamanya. Kegemilangan dan kehebatan tamadun Melayu telah dicatatkan dalam tulisan para pengkaji luar dan mereka menyifatkan bahawa bangsa Melayu telah lama memiliki taraf kebudayaan yang tinggi, mempunyai pengurusan yang sistematik dalam sistem ekonomi, sosial dan juga politik. Bangsa Melayu juga telah memiliki bahasa (William Marsden, 1812; Gorys Keraf, 1984) dan sistem tulisan yang tersendiri sejak dari awal lagi. Beberapa skrip tulisan lama telah dicipta oleh bangsa Melayu contohnya seperti tulisan Rencong di Sumatera, Kawi di Jawa, Lontara di Sulawesi, Lampung, Batak dan sebagainya (Gang Geong Suk, 1993; Amat Juhari Moain,

1996; Wan Ali Wan Mamat, 1998). Ini membuktikan bahawa bangsa Melayu adalah sebuah bangsa yang bertamadun, berilmu dan berpendidikan kerana telah menguasai tulisan tersebut dan mampu menghasilkan penulisan sendiri sebelum kehadiran mana-mana pengaruh asing dari dunia luar seperti India, China, Arab dan juga Eropah ke Alam Melayu.

## **METODOLOGI**

Metodologi bagi kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu dengan mengaplikasikan metod penentuan subjek dan pengumpulan data yang diperolehi daripada manuskrip lama, buku, artikel jurnal, kertas kerja serta laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk kajian.

## **DAPATAN**

### **Kedatangan Agama Hindu-Buddha Ke Alam Melayu**

Menurut catatan sejarah, agama Hindu-Buddha telah tiba ke benua Melayu dan mempengaruhi beberapa aspek kehidupan orang Melayu seperti kepercayaan, kesenian, adat dan budaya serta sistem sosial tempatan. Hindu-Buddha juga turut membawa bersama mereka budaya sastera lisan dan khazanah bertulis seperti *Mahabharata* dan *Ramayana*. Ia dibacakan di istana untuk menghiburkan golongan raja dan bangsawan di samping sebagai panduan untuk mendidik putera-putera raja agar menjadi pahlawan yang berani dan hebat. Kisah epik tersebut juga banyak dipertontonkan dalam bentuk wayang kulit atau wayang orang bagi rakyat di luar istana (Ismail Hamid, 1985). Ketika berada di bawah dominasi Hindu Buddha, aktiviti tulisan dalam persuratan bukanlah suatu perkara yang ditradisikan. Aktiviti penulisan berlangsung dengan agak perlahan dalam kalangan orang Melayu kerana tidak banyak karya bertulis yang dihasilkan. Sekiranya ada, ia hanyalah berkaitan dengan ajaran agama Hindu dan hasil peninggalan bertulis pula didapati dalam bentuk catatan batu bersurat.

Di samping itu juga, kemahiran membaca dan menulis dengan menggunakan peralatan tertentu pada ketika itu hanyalah terhad kepada golongan tertentu seperti sami Hindu dan jurutulis istana sahaja. Kemahiran tersebut pula tidak disebarluaskan kepada rakyat. Syed Naquib al-Attas berpendapat bahawa walaupun agama Hindu-Buddha hadir ke rantau Melayu sekitar abad ke-5M dengan membawa bersama mereka falsafah agama Hindu, tulisan Pallava dan juga kesusasteraan epik mereka, namun ianya tidak berjaya mempengaruhi keseluruhan pemikiran orang Melayu (Syed Naquib al-Attas, 1967). Dengan keterbatasan pengetahuan tentang tulisan dan falsafah tersebut, ia kemudiannya secara perlahan-lahan semakin kurang diminati oleh masyarakat setempat dan telah digantikan dengan tulisan Jawi.

### **Kedatangan Agama Islam ke Alam Melayu**

Tulisan Jawi hadir ke bumi Melayu bersama-sama dengan penyebaran agama Islam pada abad ke-12M. Kedatangan Islam ke Nusantara telah mengubah kehidupan masyarakat Melayu dengan meninggalkan amalan animisme dan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup. Kepercayaan terhadap Hindu-Buddha juga secara beransur-ansur mulai digantikan dengan pegangan kepada keEsaan Tuhan yang satu iaitu Allah SWT. Islam juga bertanggungjawab secara langsung

mengubah keadaan masyarakat Melayu yang buta huruf kepada celik huruf dan telah memenuhi kekurangan itu dengan memberikan sistem tulisan Jawi. Dengan tiadanya sebarang perbezaan hak di dalam ajaran Islam, maka setiap orang diberi peluang untuk menulis tanpa sekatan. Perkembangan intelektual tidak lagi dimonopoli oleh istana-istana raja, tetapi turut tersebar luas di kalangan rakyat dan sejak itulah bermulanya tradisi penulisan dalam masyarakat Melayu. Hasil daripada kebijaksanaan dan kreativiti ulama Melayu, mereka telah berjaya menyesuaikan tulisan Arab dengan sistem tulisan Melayu iaitu dengan menggabungkan 28 huruf-huruf Arab dengan lima huruf bukan Arab yang dicipta oleh orang Melayu sendiri iaitu *ca*, *pa*, *ga*, *nga* dan *nya* (William Marsden, 1812; Gang Geong Suk, 1995).

## PERBINCANGAN

Islam merupakan pemangkin utama kepada penghasilan karya Jawi di Alam Melayu. Menurut Kratz, E.U (1979) aktiviti penulisan semakin rancak setelah kedatangan agama Islam di tanah Melayu berbanding dengan zaman sebelumnya. Karya-karya tersebut telah dicatatkan dalam bentuk manuskrip-manuskrip bertulisan tangan dalam beribu-ribu naskhah yang masih kekal sehingga ke hari ini. Setakat ini dianggarkan terdapat sekitar 22,000 naskhah manuskrip Melayu dalam pelbagai judul, bidang dan genre (Harun Mat Piah, 2016). Datuk Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menyatakan bahawa sehingga kini, masih terdapat sejumlah 15,000 manuskrip lama Melayu yang masih bertebaran di luar negara seperti di Rusia, Algeria, Jerman dan sebagainya (malaysiakini.com, diakses pada 16 Ogos 2019). Manuskrip Melayu yang telah dihasilkan oleh para ilmuan Melayu secara umumnya telah diklasifikasikan mengikut genre atau bidang seperti sastera *kitab*, hikayat, sejarah, kanun (undang-undang) dan juga *kitab tib* atau perubatan tradisional Melayu (Siti Mariani S.M.Omar, 2012).

### Unsur Islam Dalam Manuskrip *Kitab*

Manuskrip yang dihasilkan dalam kategori sastera *kitab* adalah ditulis sepenuhnya berdasarkan kepada ajaran agama Islam. Ia merupakan karangan para ulama Melayu yang meliputi pelbagai cabang ilmu agama Islam seperti tauhid, fiqh, tasawuf, tafsir, hadith dan juga tajwid. Pada abad ke-15M, naskhah kitab *Bahr al-Lahut*, *Dur al-Manzum* dan *Umm al-Barahin* adalah bukti naskhah kitab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu dan dipelajari di istana pada zaman kesultanan Melaka (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2000; Hashim Hj. Musa, 2005). Manakala di Aceh pula, sebuah kitab terjemahan *Aqa'id al-Nasafi* karya Abu Hafs 'Umar Najm al-Din al-Nasafi telah dihasilkan pada tahun 1590M (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1988).

Pembacaan dan penulisan sastera kitab ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan oleh penduduk di Tanah Melayu. Kedudukan manuskrip-manuskrip agama dipandang mulia dan diberi penghormatan yang lebih tinggi berbanding manuskrip dalam bidang ilmu lain oleh masyarakat tempatan. Hasil terjemahan kitab-kitab dari negara Arab ini telah mencetuskan penghasilan beratus-ratus manuskrip dalam bidang agama oleh para ilmuan Melayu. Di antara contoh ringkas bagi manuskrip dalam bidang ini yang dihasilkan pada kurun ke-17M ialah *al-Sirat al-Mustaqim* (tauhid) oleh Nuruddin al-Raniri, *Asrar al-'Arifin* (tasawuf) karangan Hamzah Fansuri, *Tarjuman al-Mustafid* (tafsir) oleh Syeikh Abdul Rauf al-Sinkili dan *al-Fawa'id al-Bahiyah* (hadith) oleh Nuruddin al-Raniri. Seterusnya diikuti oleh Syeikh Ibn Mu'ti al-Jawi al-Kelantani dengan kitab *Mir'ah al-Quran fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid* dalam bidang Tajwid yang dihasilkan pada

kurun ke-18M, Syeikh Daud al-Fatani dengan karya fiqh berjudul *Nahj al-Raghibin* yang ditulis pada 1811M dan banyak lagi.

### Unsur Islam Dalam Manuskrip *Hikayat*

Selain daripada manuskrip dalam bidang agama, para bijak pandai Melayu juga telah menghasilkan banyak karya dalam genre sastera rakyat iaitu hikayat, epik, kisah panji ataupun legenda tempatan. Karya hikayat dalam dunia Melayu pada awalnya banyak dipengaruhi oleh kisah-kisah dalam ajaran agama Hindu seperti *Hikayat Sri Rama* and *Hikayat Pendawa Lima* yang diadaptasi daripada dua kisah epik dari India iaitu *Ramayana* and *Mahabharata*. Pada zaman transisi Kesusasteraan Hindu-Islam, penulis Melayu mula menggantikan watak Hindu kepada Islam seperti 'Dewata Mulia Raya' kepada Allah, dewa Vishnu kepada nama Nabi dan malaikat dan budaya Hindu yang bertentangan dengan akidah Islam dikeluarkan daripada penulisan mereka. Terdapat sebuah hikayat bertajuk *Hikayat Inderaputera* yang sangat terkenal di Alam Melayu telah ditulis pada tahun 1111H/1700M. Pada masa ia ditulis, pengaruh Hindu masih kuat diamalkan dalam masyarakat Melayu namun pengarang bijak menyesuaikan dengan ajaran Islam iaitu dengan memasukkan nama Tuhan Yang Maha Besar (Allah). Ini boleh dilihat dalam bab "Mencari Ubat Beranak" di halaman 17 manuskrip ini sebagaimana berikut:

*"Hatta maka Inderaputera pun sampailah ke rumah nenek kebayan. "Hai cucuku, dari mana tuan hamba beroleh pakaian yang indah-indah?" Maka sahut Inderaputera itu, "Disuruhkan oleh Raja Syahian pergi kepada Berma Sakti hendak minta ubat beranak". Maka kata nenek kebayan, "Wahai cucuku, sahaja hendak dibunuhnya. Di mana akan sampai ke sana kerana tempatnya itu terlalulah amat sukar." Maka ujarinya oleh Inderaputera, "Hai nenekku, serahkan hamba kepada **Tuhan Yang Maha Besar**".*

Kebanyakan manuskrip dalam genre hikayat setelah kedatangan Islam adalah merupakan terjemahan dan saduran daripada karya Arab dan Parsi (Aba'iyah Mohd Noor, 2011). Ia ditulis dalam tulisan Jawi dan menggunakan kata pinjaman dan ayat bahasa Arab sepenuhnya. Dalam penulisan karya hikayat, secara umumnya permulaan cerita dimulai dengan pujian kepada Allah dan terdapat unsur-unsur Islam dalam adat istiadat Melayu tempatan seperti membaca al-Quran, khatam al-Quran, menghafaz al-Quran, kepentingan mendirikan solat dan sebagainya. Manuskrip hikayat berbentuk Islam telah dihasilkan oleh pengarang Melayu berdasarkan kisah para Nabi, Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat, pahlawan Islam dan juga tokoh alim ulama dalam sejarah Islam seperti:

- |                  |   |
|------------------|---|
| Para Nabi        | : <i>Hikayat Raja Sulaiman, Hikayat Nabi Yusuf</i>  |
| Rasulullah SAW   | : <i>Hikayat Nabi Bercukur, Hikayat Mukjizat Nabi, Hikayat Nabi Wafat</i>   |
| Keluarga Baginda | : <i>Hikayat Nabi Mengajar Anaknya Siti Fatimah, Hikayat Nabi Mengajar Ali, Hikayat Hasan dan Husin</i>                   |
| Para Sahabat     | : <i>Hikayat Abu Bakar, Hikayat Amir al-Mukminin Umar</i>   |
| Pahlawan Muslim  | : <i>Hikayat Muhammad Hanafiyah, Hikayat Iskandar Zulkarnain</i>  |
| Para Wali        | : <i>Hikayat Tamin al-Dari, Hikayat Luqman al-Hakim, Hikayat Rabiah, Hikayat Abu Yazid (Siti Hawa Haji Salleh, 2012).</i> |

Hikayat-hikayat berbentuk Islam tersebut ditulis untuk menyampaikan dakwah Islam kepada orang Melayu dengan memaparkan contoh akhlak para Nabi, Rasulullah SAW, para sahabat, keberanian para pejuang Islam dan juga teladan yang ditunjukkan oleh para alim ulama.

### Unsur Islam Dalam Manuskrip Sejarah

Manuskrip sejarah secara umumnya mencatatkan perihal sejarah tentang kehebatan sesebuah kerajaan kesultanan Melayu, asal-usul keturunan raja serta kisah perjalanan dan peristiwa yang telah dialami oleh tokoh-tokoh Melayu yang terkenal. Manuskrip hikayat sejarah yang sering menjadi rujukan utama di Alam Melayu ialah seperti *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Patani*, *Tuhfah al-Nafis* karangan Raja Ali Haji, *Sulalatus Salatin* susunan Tun Sri Lanang dan *Misa Melayu* oleh Raja Chulan. Di antara contoh dua manuskrip sejarah yang mempunyai pengaruh Islam ialah seperti *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*. *Sulalatus Salatin* yang dikenali sebagai sebuah karya magnum opus bagi bangsa Melayu telah dihasilkan antara tahun 1614-1615M telah merakamkan wasiat Sultan Mansur Syah kepada anaknya Raja Ahmad dalam pelaksanaan pemerintahan kerajaan Melaka:

*“...adapun peninggalan aku ini, hei anakku, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat, dan jangan engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya. Makan haq al-Adam terlalu besar dosanya, tiada diampuni Allah SWT; melainkan dengan izin empunya hak juga; ...kerana **sabda Nabi SAW**: Kullukum ra’in wa kullukum mas’ulun ‘an ra’iyyatihi, yakni segala kamu yang menggembala dunia lagi akan ditanyai daripada kebelaan kamu; ertinya segala raja-raja di akhirat lagi akan ditanyai Allah SWT daripada segala rakyat...”* (Tun Sri Lanang, 1979)

Dalam manuskrip ini, terdapat penggunaan lafaz *bismillah* pada permulaan penulisan dan kalimah *wallahu a’lam* di bahagian akhirnya. Ayat-ayat al-Quran juga turut dicatatkan termasuk potongan hadith berstatus sahih riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim seperti dalam petikan di atas. Manakala *Misa Melayu* pula adalah karya sejarah tentang kerajaan negeri Perak yang dihasilkan semasa zaman pemerintahan Sultan Perak yang ke-15 sekitar tahun 1754 hingga 1764. Pengarangnya, seorang pujangga istana iaitu Raja Chulan ibni Raja Abdul Hamid telah merekodkan bahawa Sultan Muzaffar Syah adalah individu yang sangat berpegang teguh kepada ajaran Islam, suka bersedekah dan kuat beribadat kepada Allah walaupun dalam keadaan yang gering. Bukti teks tersebut adalah seperti berikut:

*“...maka beberapa pula sedekah kepada segala fakir miskin daripada emas dan perak dan kain-kain beribu-ribu dikurniakan Baginda hendak pohonkan rahmat ke hadrat **Khaliq al-Abad...**”*

*“...maka kepada suatu hari, baginda pun tahulah ia akan dirinya telah datang kehendak **Allah Taala** kepadanya tambahan baginda itu raja alim ulama, tambahan pula sangat kuat amal ibadatnya...”* (Raja Chulan, 1991).

### Unsur Islam Dalam Manuskrip Kanun (Undang-Undang)

Manuskrip Melayu dalam ilmu undang-undang pula memuatkan perbincangan tentang ilmu undang-undang, ketatanegaraan, kanun, adat dan adab raja-raja, pemerintahan dan juga politik

Kesultanan Melayu. Kedatangan agama Islam secara beransur-ansur telah mengubah corak pemerintahan raja Melayu yang sebelumnya berpaut kukuh pada ajaran Hindu kepada asas pemerintahan dalam Islam. Menurut Jelani Harun (2008), kitab-kitab perundangan Islam dari Tanah Arab telah dibawa masuk oleh pendakwah dan ulama semasa penyebaran Islam di Alam Melayu.

Seterusnya, terhasillah manuskrip Melayu dalam bidang ini yang mempunyai hubungan rapat dengan tradisi kehidupan orang Melayu yang banyak berlandaskan agama Islam. Di antara naskhah undang-undang syariah yang sentiasa menjadi rujukan ialah seperti *Mir'at al-Tullab* karangan Syeikh Abdul Ra'uf al-Fansuri dan *Safinat al-Hukkam* oleh Jalaluddin al-Tursani dari bumi Aceh, Indonesia. Di semenanjung Tanah Melayu pula, Al-Quran dan hadith merupakan sumber rujukan dalam membentuk undang-undang dan adat yang dilaksanakan oleh mereka dalam segenap urusan kehidupan. Di antara contoh manuskrip dalam bidang ini ialah seperti *Hukum Kanun Melaka*, *Hukum Kanun Pahang*, *Undang-Undang Kedah*, *Undang-Undang Melaka*, *Undang-Undang Johor*, *Undang-Undang Minangkabau Dari Perak*, *Undang-Undang Sungai Ujong*, *Undang-Undang Laut Melaka* dan *Undang-Undang Hamba Lari Negeri Selangor* (Jelani Harun, 2008).

Pengamalan undang-undang berasaskan ajaran Islam boleh ditemui dalam manuskrip *Hukum Kanun Melaka* yang ditulis dan disusun secara teratur semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1489-1511M). Sistem kesultanan Islam yang diamalkan telah mengubah kepercayaan, keagamaan, corak pemerintahan dan amalan harian rakyat di Melaka pada ketika itu (Ahmad Misbah Muhammad Hilmi et.al., 2016). Ia mengandungi hukum-hukum dalam syariat Islam seperti hukum qisas bagi bunuh balas, hukum hudud kepada kesalahan zina, qazaf, mencuri, minum arak dan murtad dan hukum ta'zir bagi kegiatan mencuri. Turut tersenarai dalam manuskrip ini ialah undang-undang jual beli (riba, sewa dan pinjaman), undang-undang keluarga (perceraian, wali), undang-undang keterangan dan acara (syarat menjadi sultan, peranan hakim, kadi dan penglibatan ulama dalam soal pentadbiran negeri).

Di negeri Kedah pula, catatan mengenai pelaksanaan undang-undang Islam yang diamalkan oleh masyarakat setempat telah dicatatkan dalam manuskrip *Undang-Undang Kedah* yang telah ditulis pada tahun 1893M di halaman 6-10 seperti yang berikut:

*"...maka pada ketika itu keluar titah kepada Dato' Bendahara suruh muafakat dengan segala Menteri, pegawai himpulkan segala ulama dan hukama perbuat undang-undang peraturan segala adat negeri ... ikut bersabit pada **hukum Allah Taala**"* (Siti Fairus, 2015)

### **Unsur Islam Dalam Manuskrip *Kitab Tib***

Manuskrip *Kitab Tib* pada dasarnya merupakan karya yang merujuk kepada ilmu perubatan tradisional Melayu. Kandungan penulisannya adalah berkaitan dengan syarat yang perlu dimiliki oleh perawat, jenis-jenis penyakit, cara pencegahan, rawatan dan juga pantang larang yang perlu dipatuhi oleh pesakit. Selain daripada itu, *Kitab Tib* juga meliputi ilmu-ilmu yang lain seperti, ilmu bintang, ramalan rejang, firasat, ta'abir mimpi, rasi jodoh, azimat, seksologi, ilmu pertanian,

pertukangan dan juga kesenian (Harun Mat Piah, 2006; Haron Daud, 2012; Harun Mat Piah & Zawiyah Baba, 2014).

Di Alam Melayu, manuskrip *Kitab Tib* ditulis dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Ada yang ditulis dalam bentuk satu manuskrip yang khusus ataupun dalam bentuk catatan-catatan pendek (Ab. Razak Ab. Karim, 2017) dalam naskhah ilmu-ilmu yang lain. Manakala saiznya juga adalah pelbagai, iaitu ada yang bersaiz kecil, bersaiz besar dalam bentuk lipatan kertas akordian, ditulis di atas kulit kambing dan juga dicatatkan di atas kepingan-kepingan buluh. Manakala bagi tajuk manuskrip ini pula, ada yang diberikan nama tajuk seperti *Bustan al-Salatin* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri (ditulis pada 1636-1641M), *al-Rahmah fi al-Tib* karangan Syeikh Abbas Kutakarang (ditulis pada 1849M) dan *Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan* karangan Syeikh Ahmad al-Fatani (ditulis pada 1894M). Manakala selebihnya pula tidak mempunyai tajuk khusus dan hanya dinamakan sebagai *Kitab Tib* dan diikuti dengan nombor kodnya seperti *Kitab Tib MSS1292* (ditulis pada 1820M), *Kitab Tib MSS2515* (ditulis pada 1829M), *Kitab Tib MSS2219* (ditulis pada 1907M) dan *Kitab Tib MSS1653*.

Penulisan dalam manuskrip *Kitab Tib* juga tidak terkecuali daripada menerima pengaruh Islam. Walaupun masih terdapat elemen jampi dan mantera yang berbentuk pemujaan hasil daripada pengaruh Hindu, namun hampir semua *Kitab Tib* mengandungi bentuk rawatan berdasarkan Islam. Ia digantikan dengan bacaan ayat-ayat al-Quran, hadith Rasulullah SAW dan juga petikan doa-doa (Harun Mat Piah, 2006). Kita juga akan menemui kalimah-kalimah dalam bidang perubatan berbahasa Arab dalam manuskrip *Kitab Tib*, sepertimana berikut:

### 1. Petikan ayat al-Quran:

Ayat 31 daripada surah al-Naml ditulis untuk mengubati muntah kerana sakit cirit-birit:

*Ubat Muntah Cirit.*

*Dituliskanlah ayat ini in sya Allah mujarab iaitu:*

أَلَا تَعْلَمُوا عَلَيَّ وَأَثُونِي مُسْلِمِينَ (Kitab Tib MSS1653, h.7).

### 2. Hadis Rasulullah SAW:

Hadith mengenai kelebihan bercelak yang dicatatkan dalam *Kitab Tib MSS1292*:

*Memelihara Mata.*

*Fasal yang kesebelas pada menyatakan memelihara mata kedua, bermula yang terlebih baik akan celak itu iaitu hitam, seperti sabda Nabi SAW:*

تَكْحَلُوا بِالْإِثْمَدِ فَإِنَّهُ يَجِيدُ الْبَصَرَةَ (Kitab Tib MSS1292, h.40).

### 3. Petikan doa:

Petikan doa yang dibaca dalam proses rawatan bisa racun dan penyakit batu karang ialah seperti yang terdapat dalam *Kitab Tib MSS2515* halaman 144:

*Penyakit Karang.*

*Sebagai ubat batu karang dedas apabila ia buang air seni itu sakit maka suratkan doa ini beri minum tiga pagi. Inilah ayatnya:*

يَا مُحَمَّدُ، يَا مُحَمَّدُ، يَا مُحَمَّدُ، يَا مُحَمَّدُ

وَأَلَّتِي إِسْمٌ عِنْدَ الْعَظِيمِ  
(MSS2515, h.144) لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

#### 4. Istilah Bahasa Arab

Terdapat penggunaan istilah atau triminologi perubatan dalam bahasa Arab yang ditemui dalam manuskrip *Kitab Tib MSS2219* seperti *halib* (susu), *qalam* (pena), *mustajab* (mujarab), *dikabiri* (dibesarkan) dan sebagainya (Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi, 2012).

#### KESIMPULAN

Kedatangan Islam ke bumi Nusantara telah membawa banyak perubahan dan kemajuan dalam kehidupan masyarakat Melayu terutamanya dalam aspek kepercayaan, kemasyarakatan, kebudayaan, pelaksanaan undang-undang, keilmuan dan juga dalam bidang penulisan. Terdapat banyak unsur dan pengaruh Islam di dalam penulisan manuskrip Melayu dalam genre agama, hikayat, sejarah, undang-undang dan perubatan Melayu. Penulisan dalam bidang agama iaitu manuskrip *kitab* secara keseluruhannya adalah mengandungi perbincangan mengenai ilmu-ilmu Islam. Unsur Islam yang diterapkan dalam manuskrip hikayat bermula dengan menggantikan watak-watak Hindu kepada Islam dan seterusnya menyerlahkan watak-watak para Nabi, sahabat, barisan pahlawan dan juga para wali Islam. Manuskrip sejarah pula mencatatkan ayat-ayat al-Quran, hadith Rasulullah SAW serta ketokohan raja-raja Melayu dalam menjalankan perintah Allah dan meninggalkan laranganNya. Seterusnya, manuskrip kanun atau undang-undang Melayu pula ditulis dengan berpaksikan kepada perundangan hukum syariat Islam yang bersumberkan kepada al-Quran dan hadith. Dan yang terakhir sekali ialah manuskrip *Kitab Tib* atau perubatan tradisional Melayu. Ia juga mengandungi unsur Islam dengan terdapatnya bacaan *basmallah*, selawat, ayat al-Quran serta doa dalam proses rawatan, petikan hadith dan juga istilah bahasa Arab yang digunakan dalam penulisan manuskrip tersebut.

#### RUJUKAN

- Ahmad Misbah Muhamad Hilmi, Lukman Abd. Mutalib, Muhamad Yusof Niteh. (2016). "Manuskrip Kehakiman Islam: Analisis Keupayaan dan Kearifan Melayu" dalam *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* vol.3, bil.2, Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Amat Juhari Moain. (1996). *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2011). "Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu" dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, bil.6, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi. (2012). "Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak" dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, bil.7(1), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Gang Geong Suk. (1993). *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah & Zawiyah Baba. (2014). *Kitab Tib MSS 2515 Perpustakaan Negara Malaysia Kajian Teks dan Suntingan*. Bangi: Penerbit UKM.

- Harun Mat Piah. (2016). "Kebangkitan Intelektual Alam Melayu Nusantara-Kesannya Kepada Pemantapan Epistemologi Melayu Tradisional" dalam *Prosiding Seminar Asal-Usul dan Intelektual Melayu Nusantara*, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hashim Hj. Musa. (2005). "Peranan Tulisan Jawi Dalam Perkembangan Islam di Malaysia" dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, jil.16, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail Hamid. (1985). *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Jelani Harun. (2008). "Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London" dalam *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kratz, E.U. (1979). "The Editing of Malay Manuscripts and Textual Criticism" dalam *Colloquium on Indonesian Studies*, London.
- Raja Chulan Raja Hamid. (1991). *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Siti Fairus Kamaruddin (2015). *Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian Unsur-Unsur Etnografi Islam*, Disertasi Sarjana Usuluddin, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Hawa Haji Salleh (2012). "Hikayat with Islamic Elements and Malay Hikayat" in *The Legacy of Malay Manuscripts*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Siti Mariani S.M.Omar. (2012). "Malay Manuscripts: An Introduction" in *The Legacy of Malay Manuscripts*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of The Aqaid al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tun Sri Lanang. (1979). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*, A.Samad Ahmad (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ali Wan Mamat. (1988). *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Shaghbir Abdullah. (2000). *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyyah.
- malaysiakini.com, diakses pada 16 Ogos 2019.